

**UCAPAN YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PERHIMPUNAN BULANAN KPWKM

**TARIKH: 19 MAC 2015
TEMPAT: DEWAN NUR KPWKM**

(SALUTASI)

Mukadimah

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan izinNya jua dapat kita sama-sama berkumpul pada pagi ini, dalam majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Mudah-mudahan Majlis ini akan mendapat keberkatan dan keredaanNya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Pertama sekali saya ucapkan tahniah kepada warga KPWKM yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) semasa Majlis APC KPWKM yang telah diadakan pada 10 Mac 2015 yang lalu. Semoga pengiktirafan ini mampu menyuntik semangat dan kesungguhan tuan-tuan dan

puan-puan untuk terus mencipta pelbagai pembaharuan dan inovasi dalam melaksanakan tugas harian yang seterusnya dapat dimanfaatkan bersama dengan warga KPWKM yang lain.

3. Di kesempatan ini juga, ingin saya mengucapkan selamat datang dan selamat bertugas kepada semua warga kerja baru KPWKM. Saya difahamkan ada di antaranya bertukar ke KPWKM kerana dinaikkan pangkat, manakala sebahagiannya pula baru dilantik sebagai anggota perkhidmatan awam dan KPWKM merupakan tempat persinggahan pertama tuan-tuan dan puan-puan untuk menimba pengalaman. Selamat datang saya ucapkan, diharapkan tuan-tuan dan puan-puan dapat menyesuaikan diri untuk bersama-sama dengan pegawai serta kakitangan KPWKM sedia ada untuk memperkasakan fungsi dan perkhidmatan KPWKM. Hasrat ini adalah selari dengan matlamat Kerajaan, khususnya ke arah merealisasikan pelbagai inisiatif yang terkandung dalam agenda transformasi demi kesejahteraan dan kemajuan negara.

4. Kepada warga KPWKM yang telah bertukar, saya mewakili seluruh warga kerja KPWKM mengucapkan terima kasih di atas sumbangan serta khidmat yang telah tuan-tuan dan puan-puan berikan selama bertugas di KPWKM. Saya berharap agar

pengalaman dan ilmu yang diperolehi sepanjang berkhidmat di KPWKM akan menjadi senjata untuk dimanfaatkan di tempat kerja yang baru atau di mana sahaja tuan-tuan dan puan-puan berada.

Pemantapan Sistem Penyampaian KPWKM

5. Bagi memantapkan Sistem Penyampaian KPWKM, saya amat menggalakkan penglibatan Kementerian dengan kumpulan sasar agar kita dapat mengenal pasti hasrat rakyat melalui *live feed* yang disalurkan, terutamanya mereka yang sentiasa mendapat perkhidmatan daripada KPWKM. Saya berbesar hati apabila dimaklumkan ramai wakil NGO dan *stakeholders* kepada kumpulan sasar KPWKM telah meluangkan masa menghadiri Sesi Konsultatif Bajet 2016 KPWKM pada 6 Februari 2015.

6. Perjumpaan ini bertujuan mendapatkan pandangan dan idea daripada rakan strategik KPWKM mengenai cadangan atau pembaharuan yang boleh diketengahkan untuk Bajet 2016. Pendekatan ini merupakan salah satu sinergi KPWKM bagi mendapatkan idea baru daripada rakan-rakan strategik KPWKM yang terdiri daripada wakil-wakil agensi persekutuan, ahli-ahli

akademik dan NGO Kumpulan Sasar dalam melaksanakan program serta aktiviti dimasa hadapan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Flexible Working Arrangement (FWA)

7. KPWKM berada selangkah lagi ke hadapan melalui inisiatif ***Flexible Working Arrangement*** atau **FWA** yang mula diperkenalkan pada bulan Mac ini di Kementerian selaku projek printis. FWA diwujudkan supaya anggota perkhidmatan awam dapat mengimbangkan kehendak tugas pejabat dan tanggungjawab sebagai tonggak keluarga. Pegawai dan kakitangan KPWKM boleh memilih salah satu daripada tiga kaedah *flexible working arrangement* iaitu sama ada (a) berkerja dari rumah, (b) *flexi-working hours* dan (c) *modified-compressed work week*.

8. Pelaksanaan *flexible working arrangement* ini terbuka kepada semua pegawai dan kakitangan dan tidak terhad kepada anggota wanita sahaja. Walau bagaimanapun kaedah bekerja dari rumah pada masa ini hanya diperkenalkan kepada pegawai sahaja. Suka saya menasihatkan kepada Warga KPWKM agar

jadikanlah kemudahan FWA ini sebagai pencetus untuk semua kakitangan Kementerian bekerja dengan penuh didikasi dan berhemah.

Sambutan Hari Wanita Antarabangsa: *Make It Happen*

9. Sebagai menghargai sumbangan semua wanita di dunia ini tidak kira ibu, isteri, anak, rakan dan sebagainya, 8 Mac diisytiharkan sebagai Hari Wanita Antarabangsa. Hari Wanita Antarabangsa yang pertama telah disambut pada tahun 1911 dan sejak dari sambutan pertama tersebut, pembangunan dan kemajuan wanita semakin nyata dari segi ekonomi, politik dan sosial.

10. Selaras dengan aspirasi dan inspirasi KPWKM dalam memastikan kebajikan wanita terbelas, ingin saya mengambil kesempatan ini, ingin mengucapkan tahniah di atas penganjuran Hari Wanita Antarabangsa 2015 yang telah dianjurkan di Melaka baru-baru ini. Bertemakan '*Make It Happen*', Hari Wanita Antarabangsa bagi tahun 2015 memberikan mesej yang jelas bahawa usaha memperkasa wanita hendaklah terus berjalan dan memerlukan sinergi dan kerjasama semua pihak, sama ada kerajaan, swasta, institusi pendidikan mahupun NGO. Justeru

sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada tahun ini telah diadakan dengan konsep santai dan dianjurkan di tempat terbuka yang mana masyarakat umum dapat bersama-sama menyertainya. Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada Ketua Menteri Melaka dan Kerajaan Negeri Melaka atas kesudian mereka menerima rombongan daripada KPWKM sempena Majlis Sambutan Hari Wanita Antarabangsa.

Para hadirian yang dihormati sekalian,

Sistem *File Sharing* i-KNOW

11. Bagi meningkatkan aplikasi teknologi dalam pengurusan harian pejabat, kita juga telah menambah baik sistem *file sharing* sedia ada melalui pelaksanaan pembangunan *file sharing* i-KNOW. Melalui pelaksanaan i-KNOW, capaian dokumen, simpanan dokumen dan perkongsian dokumen boleh dibuat secara berpusat. Yang lebih *convenient*, i-KNOW boleh diakses melalui computer desktop, computer riba, tablet dan juga telefon pintar. **i-KNOW** juga menyediakan ruang storan yang lebih besar untuk menampung penyimpanan dokumen warga KPWKM. Jadi urusan kerja menjadi lebih mudah dengan penggunaan i-KNOW

kerana ia boleh diakses bukan sahaja di pejabat dan di rumah, malahan di serata dunia melalui capaian internet.

12. Harapan kita agar melalui pelaksanaan projek, aktiviti dan program tranformasi, serta penambahbaikan sistem teknologi di KPWKM ini, kita semua akan dapat melaksana dan memantau pelan-pelan tindakan, akta dan artikel konvensyen antarabangsa yang telah diratifikasi, mengukuhkan kebolehpayaan pegawai dan kakitangan dalam mengendalikan isu kumpulan sasar, meningkatkan kerjasama strategik dengan pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta dan komuniti, dan menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar.

One Stop Centre

13. Kepesatan interaksi Kementerian dengan masyarakat dan *stakeholder*, tidak dapat dibendung tetapi perlu diuruskan dengan sewajarnya. Oleh itu pihak pengurusan tertinggi Kementerian amat memandang serius terhadap keselamatan kakitangan dan bangunan Kementerian daripada dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kementerian telah mengambil langkah yang wajar dan dianggap sebagai *win win situation* dengan mewujudkan *One Stop Centre*. Kementerian telah menyediakan

perkhidmatan kaunter *One Stop Centre* kepada kumpulan sasar di KPWKM bagi memudahkan pelanggan mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan/Agensi di bawah KPWKM. Oleh yang demikian, pelanggan tidak perlu pergi ke Jabatan/Agensi tertentu untuk mendapatkan perkhidmatan sebaliknya ia dilaksanakan di *one stop centre*. Dengan cara ini, KPWKM dapat menguruskan pergerakan keluar masuk pihak luar di bangunan Kementerian dengan cara yang lebih efektif. *One stop centre* ini telah diadakan simulasi dan mula beroperasi pada 12 Mac 2015 (Khamis). Pengwujudan ruang baru ini, bukan sahaja dapat memudahkan kawalan keselamatan tetapi juga dapat meningkatkan perkhidmatan KPWKM kepada pelanggan dengan lebih mudah, cepat dan mesra.

Inovasi Sosial

14. KPWKM telah mula mengambil pendekatan inovasi sosial bagi mencetuskan pembaharuan dan penambahbaikan dalam sistem penyampaian agar kapasiti dan keberkesanan perkhidmatan kebajikan kepada kumpulan sasar dapat dipertingkatkan. Melalui pendekatan inovasi sosial, lebih banyak kolaborasi atau engagement dengan individu dan NGO yang

komited terhadap isu sosial dan penyelesaiannya dapat dijalinan. Sebenarnya pendekatan inovasi sosial ini telahpun kita laksanakan tanpa kita sedari. Sebagai contoh, semasa kita menguruskan misi bantuan mangsa banjir pada penghujung tahun 2014, pelbagai NGO dan individu telah muncul menyumbangkan masa, tenaga dan sumber kewangan. Sifat kemanusiaan, *passionate* dan komitmen yang dibawakan oleh NGO dan individu ini telah berjaya mendapat sokongan daripada sektor korporat untuk menderma wang, makanan, pakaian serta idea dan penyelesaian kreatif dalam pengurusan bencana. Menerusi inovasi sosial, kerjasama *tripartite* antara Kerajaan, NGO dan sektor korporat telah berjaya diwujudkan dalam mengenal pasti penyelesaian kepada masalah sosial.

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPWKM

15. Galakan inovasi juga dilaksanakan melalui Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPWKM pada 27 Februari 2015 yang lalu, telah menyuntik semangat ahli-ahli kumpulan menghasilkan produk yang berinovasi di samping mewujudkan kecekapan dalam perkhidmatan. Sehubungan itu, kumpulan-kumpulan KIK Jabatan/Agensi di bawah KPWKM telah memasuki pertandingan ini. Pemenang pertandingan ini akan mewakili

KPWKM dalam Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh INTAN yang dijangka diadakan pada bulan November/Disember 2015. Marilah kita sama-sama mendoakan agar kumpulan KIK KPWKM akan mengharumkan nama Kementerian dengan inovasi ciptaan mereka.

***Gold Standard* Pengurusan Banjir**

16. Dengan mengambil iktibar daripada bencana banjir luar biasa yang berlaku sebelum ini, serta beberapa siri lawatan turun padang saya ke hampir seluruh negeri, banyak penambahbaikan atau inovasi yang boleh KPWKM fikirkan terutama berkenaan persiapan bencana banjir yang melanda Negeri di Pantai Timur saban tahun. Antaranya adalah mencontohi Pengurusan Banjir Daerah Kemaman yang diiktiraf mencapai Piawaian Emas atau *Gold Standard*. Saya difahamkan gerak kerja pengurusan banjir tersebut dibuat seawal 8 bulan sebelum musim banjir berdasarkan kepada gambaran senario paling buruk dengan mempraktikkan metodologi pra banjir, semasa banjir dan pasca banjir. Selaku agensi utama yang terlibat dalam menggerakkan bantuan semasa menguruskan banjir, saya berpandangan terdapat banyak elemen positif yang boleh diambil oleh

Kementerian dalam menambah baik model pengurusan banjir KPWKM.

Penghargaan Pengurusan Banjir

17. Bencana banjir yang lalu juga memberi cabaran besar kepada warga KPWKM khususnya mereka yang terlibat secara langsung dalam pengurusan bencana di pusat pemindahan. Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab tersebut, pegawai dan kakitangan KPWKM telah memberikan komitmen penuh walau pun kehidupan mereka sendiri terjejas akibat banjir. Saya berasa cukup bangga apabila anda telah meletakkan kepentingan mangsa banjir lain dan masyarakat mengatasi keperluan peribadi. Tahniah di atas sifat murni yang dipamerkan. Oleh yang demikian, Kementerian dengan berbesar hati pada hari ini akan menyampaikan sedikit penghargaan kepada warga kerja PKMD Kemaman, Terengganu serta PKMD Kuala Krai dan Gua Musang, Kelantan yang telah mencurahkan sepenuh bakti demi melunaskan tanggungjawab kepada masyarakat dan Negara semasa banjir besar tempoh hari.

Sukarelawan #KPWKM PRIHATIN

18. Hasil inovasi sosial juga telah membawa kepada kelahiran Sukarelawan #KPWKM Prihatin yang terdiri daripada warga KPWKM sendiri tanpa mengira jabatan, gred dan jawatan yang bertujuan untuk membantu meringankan bebanan sahabat para petugas banjir yang telah sehabis baik memberikan perkhidmatan kepada mangsa banjir besar yang melanda Negara baru-baru ini. Saya berpendapat para sukarelawan perlu diberikan latihan kesukarelawan agar mereka mendapat pendedahan, ilmu dan kemahiran dalam bidang sukarela. Oleh itu, Institut Sosial Malaysia (ISM), agensi di bawah KPWKM telah menggubal modul latihan kesukarelawan yang lebih komprehensif dengan kerjasama pihak universiti tempatan yang bertujuan meningkatkan tahap profesionalisme para sukarelawan di Negara ini. Malahan, skop sukarelawan #KPWKM Prihatin akan diperluaskan tidak terhad kepada misi bantuan banjir sahaja, tetapi juga kepada sebarang situasi yang memerlukan penglibatan sukarelawan.

Anugerah Sijil Kecemerlangan

19. Pada tahun ini KPWKM juga memperkenalkan Anugerah Sijil Kecemerlangan atau **ASK** bagi mengiktiraf jasa dan sumbangan warga KPWKM yang berprestasi tinggi sepanjang tahun 2014. Anugerah ini diperkenalkan sebagai pengiktirafan tambahan setelah mengambil kira kekangan kuota penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang terhad kepada 8 peratus daripada jumlah pengisian. Dalam hal ini, kuota yang ditetapkan bagi ASK adalah 2 peratus daripada jumlah pengisian yang mana keutamaan akan diberikan sama ada kepada pegawai tetap atau kontrak atau pun Pekerja Sambilan Harian atau PSH yang berkhidmat dengan cemerlang. Pada hari ini, saya mengambil peluang untuk menyampaikan Anugerah Sijil Kecemerlangan kepada 161 warga Kementerian dan agensi di bawahnya yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang bagi tahun 2014. Tahniah diucapkan. Semoga anugerah ini menyuntik semangat penerimanya agar berkhidmat dengan lebih cemerlang di masa hadapan dan juga menyuntik semangat rakan-rakan lain untuk berusaha lebih gigih dalam bidang kerjaya masing-masing.

PENUTUP

20. Akhir kata, saya amat berharap supaya prestasi kerja kita akan dapat ditingkatkan hari demi hari. *First quarter of the year* 2015 semakin kita hampiri. Saya pasti sekurang-kurangnya hampir satu perempat daripada sasaran kerja tahunan tuan puan sudah dicapai. Komitmen dan kerjasama tuan puan menjadi batu asas dalam memastikan semua dasar, program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dijayakan dan sekaligus memastikan sistem penyampaian kita sentiasa berada dalam *wavelength* yang sama dengan aspirasi Kerajaan bagi merakyatkan perkhidmatan awam selaras dengan apa yang dihasratkan dalam gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

21. Izinkan saya menutup ucapan ini dengan **Gurindam Tonggak 12** yang perlu dihayati oleh kita semua:

Hendak pandai menghargai masa,
Jangan dinanti esok lusa.

Ketekunan akan membawa kejayaan,
Kegigihan bekerja dengan keupayaan.

Ketinggian peribadi jadi amalan,
Ketelusan hati jadi bekalan.

Pengaruh kepeimpinan melalui teladan,
Baik buruk jadikan sempadan.

Menjadi kewajipan menjalankan tugas,
Walaupun sederhana tetapi tegas.

Kebijaksanaan berhemat perlu diutama,
Tidak membazir teliti saksama.

Keutamaan kesabaran fikiran tenang,
Perkara susah menjadi senang.

Peningkatan bakat diberi sokongan,
Tunjukkan kebolehan jadikan dorongan.

Nikmat mencipta budaya kreatif,
Kembangkan bakat semoga aktif

Sekian, *Wabilahi Taufik Wal Hidayah, Wasalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.*